

Keperluan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tangkapan dan Tahanan Individu Autisme untuk Pegawai Penguatuwa Agama

The necessity of a Standard Operating Procedure (SOP) for the arrest and detention of autistic individuals by Religious Enforcement Officers

ZULIZA MOHD KUSRIN^{1*}, WAFAA' YUSOF¹, ABRAHMAN ROSELIZA-MURNI², ZAINI NASOHAH¹ & ZAHIDAH DAHALAN¹

¹Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

²Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

*Corresponding Author ; email: zuli@ukm.edu.my

Received: 29 July 2021 /Accepted: 30 September 2021

ABSTRAK

Individu autisme mengalami kecelaruan perkembangan-neuro dan menyebabkan kekurangan dari segi kemahiran sosial dan imaginasi. Situasi ini menjadikan mereka terdedah dan agak cenderung melanggar undang-undang rentetan sifat perilaku tersendiri mereka yang defisit pergaulan sosial, obsesi kepada rutin harian dan kurang empati. Peningkatan pendiagnosaan individu autisme di Malaysia menyebabkan wujudnya keperluan bagi mengadakan SOP Khas tangkapan dan tahanan individu autisme. Satu Prosedur Operasi Standard (SOP) Autisme Khas Polis telah berjaya dibentuk dan dikuatkuasakan bagi menjamin hak dan keadilan individu autisme bagi kesalahan jenayah sivil. Namun, SOP sedemikian masih belum wujud bagi kesalahan jenayah syariah di negeri-negeri di Malaysia. Artikel ini bertujuan menganalisis keperluan mewujudkan SOP Khas Autisme untuk penguat kuasa agama negeri-negeri di Malaysia. Objektif kajian membincangkan perilaku tersendiri individu autisme yang mendorong mereka melanggar undang-undang dan perkaitannya dengan kesalahan jenayah syariah serta persepsi para pengamal perundangan Islam, pelatih kepada individu autisme dan pakar perubatan autisme tentang keperluan mewujudkan SOP Khas Autisme untuk penguat kuasa agama. Metodologi kajian ialah analisis kandungan dan temu bual kumpulan fokus serta perbincangan meja bulat bersama informan berkaitan iaitu 3 orang hakim syarie, 2 orang pegawai penguat kuasa agama, 9 orang guru pendidikan khas serta 2 orang pakar autisme. Data terkumpul kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan tematik. Hasil kajian mendapati sebahagian perilaku individu autisme seperti menyentuh dengan tidak sopan, masturbasi secara terbuka, membuka baju, terkandung dalam kategori perbuatan tidak sopan Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah namun tiada peruntukan undang-undang khusus untuk PPA mengendalikan tangkapan dan tahanan individu autisme yang disyaki melanggar undang-undang tersebut. Tambahan lagi PPA perlu kepada SOP terpandu dalam melaksanakan tugasnya terhadap individu autisme menyebabkan keperluan dibangunkan SOP khusus untuk PPA bagi mengelakkan diskriminasi dan layanan yang lebih adil kepada individu autisme.

Kata Kunci: Autisme; jenayah; syariah; SOP Tangkapan dan Tahanan; Pegawai Penguat kuasa Agama

ABSTRACT

An autistic individual is someone who has a neuro-developmental disorder. Due to this, he experiences deficits in many areas, particularly in the realm of social interaction skills and imagination. Some autistic persons have been found to unknowingly exhibit inappropriate behaviour and tend to break the law due to their problems in neuro-development, character, and social interaction deficit behaviour, being obsessed with their daily routine and lack of empathy. As a result of a string of previous cases, a special SOP (Standard Operating Procedure) for Arrest and Detention of Autists by Police has been successfully enforced to guarantee rights and justice for persons with autism. However, this SOP is yet to be practiced by State Religious Enforcement Officers (PPA) in Malaysia. This article analyzes the necessity to develop a Special SOP for handling autistic individuals by State Religious Enforcement Officers. It discusses the characteristics of autism spectrum disorder that may lead an autist to break the law, its relationship with Shariah criminal offences, as well as the need for a special SOP to handle autistic individuals by Religious Enforcement Officers. Research methodology used were content analysis and Focus Group Discussion (FGD) together with related respondents among Islamic legal practitioners, comprising of 3 Shariah Judges and 2 Religious Enforcement Officers, 7 trainers/instructors of

autistic individuals and 2 Autism experts. Data collected were analyzed descriptively and thematically. FGD revealed that some autistic individuals display inappropriate sexual behavior such as touching others rudely, masturbating in public, taking off their clothes in front of others, and making inappropriate sexual advances. These behaviours can result in them unknowingly committing either a khalwat crime or extramarital intercourse which is an offense in State Shariah Criminal Enactments. The majority of the respondents agreed to develop a special SOP for the use of Religious Enforcement Officers (PPA) in the event of arrest and detention of autistic persons. It is important that PPA are guided by special SOP in handling autistic persons, in order to avoid discrimination against them and to ensure fair treatment.

Keywords: Autism; criminal; shariah; SOP for Arrest and Detention; Religious Enforcement Officers

PENGENALAN

Menurut *The Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*, Edisi ke-5 (DSM-5; American Psychiatric Association (APA 2013) autisme dikategorikan di bawah keceluaran perkembangan-neuro yang mana di antara ciri-ciri utama individu yang mengalaminya adalah defisit dalam kemahiran interaksi sosial dan imaginasi. Keadaan ini mempengaruhi kemahiran sosial, daya imaginasi, minat dan obses terhadap sesuatu secara mendalam serta kurang sensitiviti terhadap orang lain dan persekitaran mereka. Kekurangan ini juga menyebabkan mereka berperilaku tidak seperti individu tipikal dan cenderung melakukan pelanggaran undang-undang (Fariza et al. 2017). Mereka juga lebih berisiko menjadi mangsa daripada menjadi pelaku jenayah (Allely 2015). Di luar negara, tercatat kes-kes keterlibatan individu autisme dengan jenayah serius seperti kesalahan seksual iaitu merogol, kesalahan siber, membakar bangunan, membunuh serta mencederakan orang lain seperti menikam dan melepaskan tembakan secara rambang. Walau bagaimanapun, tiada undang-undang khusus yang diperuntukkan untuk golongan autisme ini (Zuliza et al. 2020).

Kecenderungan mereka terlibat dengan pelanggaran undang-undang ini menyebabkan wujudnya keperluan mengadakan Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure: SOP) untuk pihak polis berurusan dengan individu autisme, bertujuan untuk menjamin hak dan keadilan mereka serta masyarakat. Pihak polis lazimnya akan bertindak membuat tangkapan dan tahanan ke atas individu yang disyaki apabila mereka berpuas hati dengan maklumat yang diterima, iaitu suatu kesalahan jenayah atau pelanggaran hak telah dilakukan oleh individu terbabit. Tindakan ini tidak dipengaruhi atau dijustifikasi oleh kedudukan dan kriteria individu tersebut. Penilaian sama ada individu yang disyaki itu seorang yang mampu

memahami perbuatan dan kesannya, bukan di bawah bidang kuasa pihak polis tetapi pihak mahkamah. Justeru, tidak menghairankan jika akhirnya individu autisme mungkin tidak disabitkan dan dihukum sebagaimana individu tipikal walaupun mereka ditangkap dan ditahan oleh pihak berkuasa.

Walau bagaimanapun, realitinya individu autisme tidak dikecualikan dari prosedur tangkapan, tahanan sehingga ke tahap perbicaraan di mahkamah, jika mereka disyaki terlibat dalam mana-mana bentuk pelanggaran hak atau perlakuan jenayah. Oleh itu, sangat penting untuk mewujudkan SOP tangkapan dan tahanan khusus untuk mereka, seperti mana yang telah ada di beberapa negara luar seperti England, Northern Ireland, Mexico, Hong Kong dan dua buah negeri di Amerika Syarikat iaitu Virginia serta Wisconsin (NCSL 2018).

Tidak ketinggalan, Malaysia merupakan negara ketiga Asia yang telah mewujudkan SOP Khas Autisme Polis (CRPD 2006). Namun, sistem perundangannya yang terbahagi kepada dua bidang kuasa iaitu sivil dan syariah menyebabkan perlunya suatu SOP Autisme untuk penguat kuasa agama (PPA) juga diwujudkan, bagi menangani kes-kes kesalahan jenayah syariah yang melibatkan individu autisme. Hal ini demikian kerana pengurusan hal ehwal jenayah syariah adalah di bawah bidang kuasa negeri, yang semestinya memerlukan SOP tangkapan dan tahanan khusus untuk penguat kuasa agama. Tambahan lagi, jika ia melibatkan individu berkeperluan khas yang disyaki melanggar undang-undang, semestinya suatu SOP tahanan khusus diperlukan bagi menjamin hak perundangan mereka daripada dicerobohi. Artikel ini memfokuskan kepada pengenalan ringkas individu autisme dan perilaku mereka yang mungkin cenderung kepada pelanggaran undang-undang yang berkait dengan jenayah syariah Malaysia. Perbincangan juga menganalisis pandangan informan tentang keperluan mewujudkan SOP Autisme untuk penguat kuasa agama.

TINJAUAN LITERATUR

FAKTOR KECENDERUNGAN PERILAKU AUTISME TERHADAP JENAYAH

APA (2013) telah menggariskan kriteria utama autisme adalah masalah berkomunikasi, masalah dalam bersosial serta keterbatasan dalam aktiviti dan minat. Disebabkan masalah yang dihadapi oleh penghidap autisme berjulat daripada ringan kepada parah dengan kepelbagaiannya darjah simptom yang diperlihatkan maka autisme dikelompokkan sebagai kecelaruan berspektrum dan ia dikenali sebagai kecelaruan spektrum autisme (*autism spectrum disorder*) (APA 2013). Secara jelasnya, DSM-5 mengkategorikan kecelaruan spektrum autisme di bawah kecelaruan perkembangan-neuro kerana ia melibatkan masalah dalam saraf otak dengan permulaan kecelaruan di tahap perkembangan awal kanak-kanak. Kecelaruan spektrum autisme membuatkan penghidapnya mengalami defisit dalam komunikasi sosial dan interaksi serta bertingkah laku secara berulang-ulang. Mereka juga memperlihatkan minat dan tingkah laku yang terhad rentetan daripada masalah perkembangan kognitif yang tidak normal dan lewat berbanding individu tipikal lain (APA 2013; Whitbourne 2020). Ciri-ciri utama ini menjadi ukuran untuk membuat diagnosis ke atas individu autisme.

Faktor penyebab utama kepada autisme adalah pewarisan genetik. Kajian lepas menganggarkan sumbangan komponen biologikal atau pewarisan genetik ini adalah 90%. Ketidaknormalan genetik ini diperlakukan terjadi pada kromosom 7, 2 dan 15 (Whitbourne 2020). Selain dari itu, penghidap autisme juga didapati mengalami defisit dalam perkaitan di kawasan otak yang dikenali sebagai korteks (Minschew & Williams 2007). Kajian oleh Santangelo dan Tsatsanis (2005) pula menyarankan bahawa saiz otak untuk sesetengah penghidap autisme juga didapati lebih besar. Dengan itu dapat disimpulkan bahawa, kajian lepas memperlihatkan bukti yang kuat tentang ketidaknormalan neurobiologikal sebagai penyebab utama kepada kecelaruan spektrum autisme (Whitbourne 2020).

Autisme diklasifikasikan kepada 3 tahap keparahan. Kategori tahap 1 dikenali sebagai memerlukan sokongan dan bantuan. Tanpa sokongan dan bantuan, individu dalam kategori ini akan memperlihatkan defisit atau masalah yang ketara dalam komunikasi sosial. Tahap 2 adalah memerlukan sokongan dan bantuan yang

banyak (substantial). Individu dalam kategori ini memperlihatkan defisit yang sangat ketara dalam kemahiran komunikasi sosial iaitu dalam bentuk lisan dan bukan lisan. Gangguan dapat dilihat dengan jelas walaupun diberikan sokongan dan bantuan. Tahap 3 dikhaskan kepada mereka yang memerlukan sokongan dan bantuan yang sangat banyak. Individu dalam kategori ini memperlihatkan defisit yang teruk dalam kemahiran komunikasi sosial (lisan dan bukan lisan) yang menyebabkan masalah yang teruk kepada kefungsian hidup (APA 2013).

Sistem pendiagnosaan menggunakan *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* edisi yang terdahulu contohnya DSM-IV (APA 1994) pernah mengkategorikan autisme, berdasarkan darjah kefungsian iaitu berkefungsian tinggi dan berkefungsian rendah. Sebagai contohnya, individu autisme yang berkefungsian tinggi tidak menunjukkan defisit yang signifikan dalam masalah komunikasi, pengenalpastian serta pengluahan emosi dan masalah dalam interaksi sosial. Namun, sistem pengklasifikasi ini tidak lagi digunakan dalam membuat diagnosis berdasarkan DSM-5 (APA 2013), kerana autisme kini dilihat sebagai kecelaruan berspektrum dan dikenali sebagai kecelaruan spektrum autisme, berbanding dengan dahulunya ia dikenali sebagai kecelaruan autistik.

Terdapat tiga ciri-ciri kekurangan dalam kalangan individu autisme seperti masalah dalam teori minda (theory of mind), pengendalian emosi dan juga penaakulan moral (moral reasoning), yang mungkin menjadi faktor penyumbang kepada keterlibatan mereka dalam pelanggaran undang-undang dan sekaligus melakukan kesalahan jenayah (Lerner et al. 2012). Umumnya, individu autisme ini sukar dikenal pasti kerana tidak menunjukkan kecacatan secara fizikal yang ketara, misalnya mereka yang berada dalam kategori tahap 1 atau dahulunya dikenali sebagai individu autisme berkefungsian tinggi. Sekiranya mereka melakukan kesalahan jenayah, agak sukar untuk mengenal pasti bahawa mereka adalah individu autisme kerana mereka ini dilihat normal dari segi fizikal dan luarannya (Nor Afizah et al. 2019). Mereka juga lebih berisiko menjadi mangsa daripada menjadi pelaku jenayah (Allely 2015). Misalnya, seorang lelaki telah membawa anaknya yang autisme bagi menjayakan aktiviti jenayah dilakukan dengan mengugut polis untuk mencederakan anak tersebut (Osman & Hatina 2020).

SISTEM KEADILAN TERHADAP INDIVIDU AUTISME

Individu autisme juga terlibat dengan salah laku yang menyalahi norma masyarakat mahupun undang-undang, di mana ia perlu ditangani mengikut prosedur undang-undang. Hal ini menyebabkan, pentingnya untuk mewujudkan SOP tangkapan dan tahanan khusus untuk mereka, seperti mana yang telah ada di beberapa negara luar seperti England, Northern Ireland, Mexico, Hong Kong dan dua buah negeri di Amerika Syarikat iaitu Virginia serta Wisconsin (NCSL 2018).

Pengendalian kes autisme memerlukan pengetahuan dan kepekaan yang tinggi terhadap simptom-simptom yang dialami supaya lebih mudah untuk berinteraksi dengan mereka dan boleh mengelakkan risiko salah laku (Chown 2010). Oleh itu, kebanyakan negara luar telah berjaya menghasilkan garis panduan untuk pegawai penguat kuasa mereka bagi mengendalikan pesalah autisme. Setiap garis panduan yang dibina mempunyai peruntukan undang-undang yang dirujuk sebagai asas pembinaan prosedur tersebut. Misalnya di New Mexico, sebuah badan persendirian dan organisasi tidak berasaskan keuntungan, *New Mexico Coalition of Sexual Assault Programs, Inc.* (NMCAP), telah menyediakan garis panduan bagi penguat kuasa undang-undang untuk mengendalikan golongan berkeperluan khas. Garis panduan tersebut dinamakan *A Law Enforcement Guide for Working with Children with Autism, Intellectual and Communication Disabilities*, dibina pada tahun 2016. Bertujuan memenuhi keperluan perundangan di bawah *Sexual Crimes Prosecution and Treatment Act 1978*, iaitu satu undang-undang yang mewajibkan penyediaan latihan, bantuan dan perkhidmatan yang sesuai kepada golongan profesional perubatan, kesihatan mental, badan penguatkuasaan dan perkhidmatan sosial. Signifikannya bagi mengurangkan kes penderaan dan keganasan seksual (Modell & Davis 2016).

Di Malaysia, bagi memenuhi keperluan perundangan untuk golongan orang yang mengalami isu kesihatan mental, peruntukan yang terkandung dalam Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) adalah dirujuk. Antaranya hak-hak pesakit yang dirawat di hospital psikiatri untuk mendapatkan rawatan, hak penginapan yang selesa, hak berkomunikasi, tatacara bagi terapi elektrokonvulsif serta tatacara pengekangan dan pengasingan. Walau bagaimanapun, seksyen 23 dan 24 Akta 615 perlu dibaca bersama Seksyen 342(4),

344(2) dan 348 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593), menyatakan bahawa dalam proses tangkapan, ia biasanya dibuat mengikut SOP orang awam biasa. Walau bagaimanapun, semasa penahanan, terdapat hak-hak yang mesti dipenuhi untuk menjaga golongan autisme seperti apabila mereka (autisme) dituduh, Pengarah perubatan hospital mempunyai bidang kuasa untuk menyimpan tertuduh di bawah pemerhatiannya sepanjang tempoh tahanan. Sekiranya suatu kesalahan yang dilakukan itu merupakan kesalahan tidak boleh jamin, tertuduh hendaklah dikurung di suatu hospital. Tertuduh juga boleh dibebaskan atas alasan tertuduh sakit otak. Asas perundangan ini secara tidak langsung merupakan suatu indikator untuk diadakan satu SOP khusus bagi pesalah tidak sempurna akal termasuk individu autisme.

Ketiadaan SOP Autisme untuk penguat kuasa agama, menyebabkan tindakan undang-undang seperti tangkapan, tahanan individu yang disyaki melanggar undang-undang tidak dapat dilakukan kerana pihak penguat kuasa agama tidak mempunyai kemahiran dalam mengendalikan individu autisme mahupun OKU (Zurul Iman 2021). Justeru, Malaysia telah mengambil langkah proaktif dalam menghasilkan SOP Autisme untuk polis. Namun, perbezaan bidang kuasa dalam perundangan di Malaysia yang terbahagi kepada sivil dan syariah menjadi sebab utama dalam penghasilan SOP Autisme yang berkaitan untuk penguat kuasa agama. Ini kerana, peruntukan bidang kuasa syariah berada di bawah bidang kuasa negeri seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan, Jadual ke-9, Senarai II. Jurang antara dua bidang kuasa ini menjadikan adanya perbezaan dalam peruntukan undang-undang yang diguna pakai serta penguatkuasaannya. Umumnya, SOP Autisme Polis adalah untuk kegunaan pihak polis dalam penguatkuasaan perundangan sivil, manakala SOP Autisme untuk penguat kuasa agama (PPA) perlu juga diwujudkan untuk kegunaan bahagian penguatkuasaan syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah kajian kualitatif menerusi kaedah Perbincangan Kumpulan Fokus (Focus Group Discussion) dan perbincangan meja bulat (Round Table Discussion). Akibat pandemik COVID-19 yang melanda, terdapat kekangan untuk merentas negeri bagi proses pengumpulan data. Justeru, temu bual dijalankan bersama peserta

kajian secara dalam talian (online) menggunakan aplikasi *Google Meet*. Pemilihan kaedah ini sejajar dengan objektif kajian, bertujuan mengenal pasti sejauhmana keperluan untuk mewujudkan SOP Autisme untuk penguatkuasa Agama.

Temu bual ini melibatkan seramai 16 orang peserta kajian yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing (3 hakim syarie, 2 pegawai penguat kuasa agama, 2 pakar autisme dan 9 orang guru pendidikan khas). Dalam kajian ini, informan dipilih secara persampelan bertujuan (purposive sampling). Ciri-ciri informan adalah:

1. Hakim Syarie terlibat dengan sektor perundangan dan kehakiman syariah secara langsung melebihi tempoh 5 tahun. Salah seorangnya merupakan Ketua Hakim Syarie di Negeri Sembilan dan 2 informan lagi sedang berkhidmat sebagai Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah di Negeri Melaka dan Selangor.
2. Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA), mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang luas dalam bahagian penguatkuasaan kerana informan merupakan Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan di negeri Melaka dan Selangor melebihi tempoh 5 tahun.
3. Pakar autisme yang terlibat mempunyai kelayakan dalam bahagian psikiatri, berkhidmat di HCTM dan Fakulti perubatan UKM melebihi tempoh 5 tahun.
4. Informan guru merupakan guru pendidikan khas di sekolah kerajaan, pusat autisme swasta, terlibat dengan pendidikan remaja autisme di (The National Autism Society of Malaysia, NASOM) dan Pusat Kanak-Kanak Istimewa Bangi (PKIB), yang beroperasi di bandar, terlibat dengan pendidikan remaja autisme terlatih dan menggunakan kurikulum yang selari serta telah berkhidmat melebihi tempoh 5 tahun.

Semua informan yang terlibat dipelawa untuk melibatkan diri sebagai informan kajian melalui prosedur jemputan yang telah ditetapkan. Borang pemberian persetujuan telah dilampirkan bersama surat jemputan semasa pemakluman awal kepada peserta kajian. Dalam borang berkenaan, kedua-dua pihak bersetuju bahawa dapatan kajian ini hanya digunakan untuk tujuan penulisan akademik. Setelah mendapat persetujuan, sesi temu bual dijalankan secara dalam talian dan direkodkan. Melalui kaedah ini, data temu bual kemudian ditranskripsikan secara manual sebaik sahaja sesi temu bual selesai dijalankan. Data kemudiannya dibuat penelitian untuk menjana kod awal dengan mengklasifikasikan

data tersebut kepada beberapa kumpulan tertentu dan dianalisis secara deskriptif dan tematik berpandukan objektif kajian. Respons daripada informan adalah berdasarkan pemerhatian dan pengalaman mereka sepanjang liburan dalam bidang masing-masing.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

JUSTIFIKASI KEPERLUAN SOP AUTISME UNTUK PENGUATKUASA AGAMA NEGERI

SOP Khas Autisme Polis dapat membantu dan memudahkan pihak polis dalam tangkapan dan tahanan individu autisme yang disyaki melakukan kesalahan jenayah atau pelanggaran hak di bawah mana-mana akta atau ordinan perundangan persekutuan. SOP yang tersedia memastikan tindakan pihak polis patuh kepada prosedur yang ditetapkan secara khusus untuk golongan ini yang agak berbeza dengan prosedur tangkapan dan tahanan golongan tipikal. Keseimbangan antara tanggungjawab membanteras jenayah dan penjagaan hak serta maslahat individu autisme menjadi landasan utama dalam perangkaan SOP ini serta penguatkuasaannya. Walau bagaimanapun, SOP yang sama untuk penguat kuasa agama negeri-negeri masih belum diusahakan dan diadakan di peringkat negeri-negeri. Hal ini menunjukkan kelompongan yang perlu diisi. Ini kerana individu autisme juga tidak dinafikan ada yang terlibat dalam perlakuan jenayah syariah, seperti yang terkandung dalam akta/enakmen jenayah syariah negeri-negeri.

Individu Autisme dan Perilaku Melanggar Undang-undang

Terdapat hubungkait antara ciri individu autisme yang mempunyai defisit dalam kemahiran sosial dengan berperilaku tidak tipikal. Kekurangan ini merangkumi kurangnya sensitiviti terhadap diri dan persekitaran mereka. Hasil daripada Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) yang dijalankan bersama guru pendidikan khas mendapati perilaku utama yang menyebabkan mereka cenderung terlibat dengan kesalahan jenayah syariah adalah perilaku seksual. Ini kerana, perkembangan fizikal yang berlaku dalam kalangan mereka tidak seiring dengan perkembangan mental seterusnya menyebabkan keinginan seks mereka perlu ditangani dengan bijak serta diurus dengan baik (Zuraini & Zuliza 2017). Respons daripada para guru pendidikan khas mengenai perilaku seksual remaja autisme adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Perilaku Seksual Remaja Autisme

Informan Guru	Institusi	Menyentuh Secara tidak Sopan R-G-P	Masturbasi	Membuka Baju depan Orang	Perilaku Kesalahan Seksual	Lain-lain TK-M
G1	NASOM	√	√	√	√	√
G2	NASOM	√	√	√		√
G3	NASOM	√	√	√	√	√
G4	NASOM	√	√	√		√
G5	PKIB	√				
G6	PKIB	√				
G7	PKIB	√				

R- Raba; P- Pegang; TK- Tunjuk Kemaluan; G- Gesel; M- Memeluk

Sumber: Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) bersama NASOM 2020 dan bersama PKIB 2021

Berdasarkan Jadual 1, majoriti informan daripada kalangan guru melaporkan bahawa wujudnya perilaku menyentuh secara tidak sopan iaitu meraba, menggesel-gesel serta memegang orang lain secara tidak sopan oleh remaja autisme. Perilaku ini bertepatan dengan seksyen 29, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997 iaitu Perbuatan tidak sopan di tempat awam, hal ini dibuktikan dengan pernyataan berikut:

“..selak kain cikgu, tepuk punggung cikgu, pegang payudara (dada) cikgu..”

(Informan Guru 1, Kumpulan 1, 2020)

“..Dia cuba meraba perempuan bukan mahram..”

(Informan Guru 5, kumpulan 2, 2021)

“..dia dah mula rapat-rapat dengan cikgu, sebelum ni dia tak suka sentuhan, tapi bila dah capai tahap tu dia suka gesel-gesel duduk sebelah cikgu..”

(Informan Guru 6, kumpulan 2, 2021)

Mereka juga didapati melakukannya secara terang-terangan seperti berikut:

“...setakat ni dorang berani buat di sekolah lah, depan cikgu, depan kawan-kawan”

(Informan Guru 1, kumpulan 1, 2020)

Manakala, perilaku lain seperti masturbasi, tunjuk kemaluan, membuka baju dan memeluk ini telah dipersetujui berlaku dalam kalangan anak-anak autisme, seperti dinyatakan oleh guru-guru di *National Autism Society of Malaysia* (NASOM) seperti petikan berikut:

“..memang ada di centre kami sebagai contoh apa orang kata bahasa kasarnya, minta maaf ya macam melancap ke apa ke, itu memang ada..”

(Informan Guru 1, Kumpulan 1, 2020)

“..kadang-kadang bila nampak orang lelaki, dia suka peluk, macam sengaja mendekati laki tu dan suka laki tu tengok dia..”

(Informan Guru 1, kumpulan 1, 2020)

“..ada juga yang main buka je baju..”

(Informan Guru kumpulan 1, 2020)

Perilaku masturbasi merupakan teknik intervensi daripada teori barat, tetapi di sekolah mahupun pusat autisme Malaysia anak-anak autisme ditegah daripada melakukannya, kerana bertentangan dengan Islam (Zuraini & Zuliza 2015). Namun, perlakuan ini tidak mustahil berlaku dalam kalangan remaja autisme kerana sebahagian mereka terdedah kepada penggunaan telefon bimbit, menonton televisyen dan video, melayari internet secara tidak langsung menyebabkan mereka terdedah dengan perkara-perkara yang mungkin boleh merangsang keinginan seksualnya (Liney Diana 2020). Terdapat juga perilaku kesalahan seksual seperti yang dinyatakan oleh Informan Guru 1 dan 3 dalam petikan berikut:

“..dia suruh kawan dia yang laki perempuan ni, dia ajar buat.. peluk, kiss semua tapi dia yang rasa seronok..”

(Informan Guru 1, kumpulan 1, 2020)

“..dia suka sorang cikgu je, dia berminat. Jadi, dia macam nak sentuh, suruh cikgu tu lepaskan rambut. Lepas tu tak tahulah dia *imagine* ke apa tapi alat kemaluan dia dah naik..”

(Informan Guru 3, kumpulan 1, 2020)

Jika diteliti, perilaku-perilaku ini boleh mempengaruhi individu autisme tersebut tanpa disedari terlibat dengan Kesalahan Jenayah Syariah bahagian IV- kesusilaan, yang terkandung dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, seksyen 20-29 iaitu perbuatan sumbang mahram, persetubuhan luar nikah, perbuatan persediaan persetubuhan luar nikah, liwat, musahaqah, khalwat dan melakukan perbuatan yang tidak sopan di tempat awam.

Terdapat juga remaja autisme yang melakukan persetubuhan haram tanpa memahami bahawa perlakuan tersebut adalah suatu kesalahan jenayah syariah melainkan ada yang mengambil kesempatan dengan memanipulasi terhadap kenaifan mereka mengenai perkara itu (Zuraini & Zuliza 2015). Bahkan, perilaku mereka ini juga boleh sehingga kesalahan merogol. Contohnya di Australia, kes *Hopper v The Queen* (2003) WASCA 153 iaitu Hopper yang merupakan individu autisme telah didakwa merogol dan melihat seorang wanita sehingga menyebabkan wanita tersebut mengalami trauma yang teruk.

Ketidaa Peruntukan Undang-undang Khusus untuk Pengendalian Individu Autisme oleh PPA

Pelaksanaan undang-undang syariah berada di bawah kuasa negeri dan terhadap orang yang menganut agama Islam sahaja, jelas diperuntukkan di Jadual ke-9, Senarai II- Senarai Negeri dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini termasuklah perundangan jenayah syariah yang menyenaraikan kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang bertentangan dengan akta atau enakmen jenayah syariah negeri-negeri seperti Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), Akta 559, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), Akta 303 dan undang-undang Islam yang lain yang terpakai di negeri-negeri tersebut. Antara bentuk dan jenis kesalahan yang boleh diambil tindakan oleh penguat kuasa agama adalah kesalahan berhubung dengan akidah, kesucian agama Islam dan institusinya, kesusilaan, penyubahan dan percubaan, kesalahan pelbagai, kesalahan yang berkaitan dengan perkahwinan sebagaimana yang diklasifikasikan di dalam Akta 559 dan Akta 303 (JAIWP 2020).

Sementara penguatkuasaan prosedur tangkapan oleh penguat kuasa agama adalah berlandaskan kepada beberapa akta atau enakmen berkaitan perundangan jenayah syariah seperti Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), Akta 560, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), Akta 561 dan Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), Akta 585. Prosedur yang diperuntukkan di dalam setiap akta atau enakmen terbabit kebiasaannya dalam bentuk umum dan agak kabur. Peruntukan yang kabur dan tidak jelas menyukarkan tindakan penguatkuasaan dijalankan secara berkesan bahkan memberi implikasi kekeliruan terhadap pengamal undang-undang

serta masyarakat (Zurul & Zaini 2020). Oleh itu, beberapa mekanisme perundangan yang lain telah dirangka dan dikuatkuasakan untuk membentuk garis panduan standard (SOP) kepada para penguat kuasa agama dalam tindakan mereka. SOP ini memperincikan sebahagian dari prosedur yang diperuntukkan di dalam akta atau enakmen terbabit. Antaranya ialah Aduan Awam Kes Jenayah Syariah, Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 dan Kod Etika Pegawai Penguat kuasa Agama Islam Negeri 2008.

Namun demikian, perundangan jenayah syariah sama ada undang-undang substantif maupun prosedur yang sedia ada, tidak memperuntukkan dengan jelas berkaitan kedudukan individu autisme atau seumpamanya. Peruntukan sedia ada dalam enakmen jenayah syariah juga tidak menerangkan dengan lebih lanjut elemen, definisi dan maksud kesalahan tersebut berbanding dengan Kanun Kesejahteraan (Zurul & Zaini 2020). Satu-satunya peruntukan dalam enakmen tatacara jenayah syariah kebanyakannya negeri-negeri yang boleh dikaitkan dengan individu autisme ialah peruntukan mengenai ‘memeriksa orang untuk mendapatkan nama dan alamat’. Peruntukan ini walau bagaimanapun, tidak menyebut mengenai individu autisme secara langsung tetapi kategori individu yang disenaraikan dalam peruntukan ini ada persamaan dengan sebahagian dari ciri-ciri individu autisme iaitu ketidakmampuan mereka untuk mengetahui (*al-idrāk*) dan memilih (*al-ikhtiār*). Contohnya, peruntukan ini antaranya menyebut istilah kanak-kanak yang menyamai individu autisme dari sudut ketidakmampuan ini dan satu-satunya peruntukan yang melibatkan prosedur jenayah terhadap kanak-kanak di bawah bidang kuasa perundangan jenayah syariah negeri-negeri (Wafaa’ 2014). Peruntukan ini juga menyebut mengenai gangguan mental secara umum dan persoalannya, adakah gangguan yang dialami individu autisme ini boleh dikategorikan di bawah kecelaruan mental? Seksyen 17, Enakmen Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Akta 560 contohnya, memperuntukkan:

“Tiap-tiap orang yang berada dalam jagaan sah, yang oleh sebab ketidakupayaan kerana mabuk, sakit, gangguan mental ataupun masih kanak-kanak lagi tidak dapat memberikan keterangan yang memuaskan tentang dirinya, bolehlah diperiksa bagi maksud menentukan nama dan tempat kediamannya”

Selain dari itu, prosedur yang terlibat dalam peruntukan di atas bukanlah satu penangkapan

atau penahanan. Prosedur yang dijelaskan dalam peruntukan ini berkaitan prosedur soal siasat ringkas (inquiry) dan geledahan diri setelah tiada kerjasama orang yang disyaki untuk mendapatkan alamat dan tempat kediamannya. Mereka diletakkan di bawah jagaan sama ada sebelum atau setelah tangkapan dibuat bergantung kepada kategori individu yang terlibat. Dengan kata lain, secara umumnya peruntukan ini kabur untuk diguna pakai terhadap individu autisme yang terlibat dalam pelanggaran undang-undang jenayah syariah. Namun, skop prosedur yang melibatkan golongan individu tertentu dalam peruntukan ini menurut penulis, boleh diterima pakai dalam kes-kes yang melibatkan individu autisme juga. Justeru itu, mekanisme perundangan lain dilihat boleh membantu merungkaikan isu ini. Ia boleh dirangka dan dikuatkuasakan dalam bentuk garis panduan (SOP) yang khusus untuk individu autisme.

Pelaksanaan dan penguatkuasaan mana-mana undang-undang jelas perlu ada bidang kuasa yang ditetapkan (Zurul & Zaini 2019). Hal ini untuk memberi keupayaan kepada individu atau sesuatu agensi bagi melakukan sebarang tindakan. Rentetan daripada realiti perkara yang berlaku di atas mengenai naratif komuniti autisme, penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah ke atas golongan autisme dengan pengendalian yang khusus dan berbeza dengan individu tipikal perlulah dilaksanakan. Perkara ini perlu dipandang serius kerana wujudnya garis panduan ini dapat membantu penguat kuasa agama melaksanakan tugas mereka. Tanpa panduan yang jelas, pihak penguat kuasa agama yang bertanggungjawab dalam mengendalikan keskes kesalahan jenayah syariah bagi individu autisme tidak dapat memahami perilaku tertentu autisme.

Keperluan untuk PPA Bertindak Atas SOP yang Terpandu

Pegawai penguat kuasa agama sering berhadapan dengan isu atau insiden kontroversi dalam SOP tangkapan dan tahanan kes jenayah syariah yang sedia ada di Malaysia. Keadaan ini menjadi kekangan dan cabaran terutama dalam hal yang melibatkan kemahiran dan pengetahuan ketika menjalankan tugas. Contohnya, kebanyakan pegawai penguat kuasa agama tidak mempunyai latar belakang undang-undang yang khusus. Kesukaran timbul kerana pemahaman undang-undang syariah iaitu Akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah, Akta atau Enakmen Keterangan Islam dan Akta

atau Enakmen Tatacara Jenayah syariah merupakan perkara asas yang sewajarnya difahami serta dikuasai oleh mereka ketika menjalankan tugas (Siti Zubaidah 2008). Oleh itu perlu diwujudkan SOP khusus autisme untuk kegunaan pegawai penguat kuasa agama negeri-negeri kerana keadaan autisme berbeza dengan individu tipikal.

Sehingga hari ini, tiada laporan rasmi mengenai kes jenayah syariah yang melibatkan individu autisme (Zurul Iman & Shahrom 2020). Namun, sebagaimana individu tipikal, golongan autisme juga berisiko melakukan kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang tertakluk di bawah Undang-Undang Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Perkara ini terbukti apabila aduan kes melibatkan individu autisme dan SOP tangkapan sedia ada dilaksanakan dengan proses biasa Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) seperti berikut:

“...Kami pernah buat tangkapan, ketika proses tangkapan di mana PPA atau pegawai penguat kuasa agama ketika ini kita tiada satu SOP khusus untuk menangkap individu autisme yang melakukan kesalahan jenayah syariah. Justeru, tangkapan yang dilakukan mengikut proses biasa sama seperti individu normal yang lain.”

(Pegawai Penguat kuasa Agama Melaka, 2020)

Tangkapan yang pernah dilakukan terhadap autisme, akhirnya dibebaskan berdasarkan kuasa budi bicara PPA seperti di petikan berikut;


“Jadi ketika ini kita lebih menggunakan kuasa atas budi bicara PPA, kalau tiada satu SOP khusus makanya kuasa budi bicara itu terlalu luas, di mana PPA akan menggunakan kuasa budi bicara tersebut untuk melepaskan OKP atau YDS yang ditangkap dan sebagainya.”

(Pegawai Penguat kuasa Agama Melaka, 2020)

Jelas bahawa, kes kesalahan jenayah syariah yang melibatkan individu autisme ini pernah berlaku dan mendapat aduan namun tidak dilaporkan kerana ketiadaan SOP autisme untuk penguat kuasa agama menyebabkan pihak penguat kuasa terpaksa membuat tangkapan dan tahanan tanpa panduan khusus yang dikhuatiri bertentangan dengan hak asasi golongan autisme (Zurul & Shahrom 2020). Justeru, SOP tersebut perlu bagi penguat kuasa agama menjalankan tangkapan dan tahanan secara terpandu dan wajar dilaksanakan kerana, pesalah yang memiliki ketidakupayaan mental apabila mereka melakukan pelanggaran undang-undang, mereka sewajarnya ditangani dengan cara yang berbeza daripada pesalah yang normal (Jones 2007).

Sehubungan dengan itu, satu Perbincangan Meja Bulat (RTD) telah diadakan bersama pengamal perundangan Islam dan pakar autisme

berkenaan pendirian mereka mengenai keperluan membangunkan SOP Autisme untuk PPA seperti Rajah 1 berikut:



RAJAH 1. Pendirian Keperluan untuk Membangunkan SOP Autisme untuk Pegawai Penguat kuasa Agama (PPA)

Sumber: Perbincangan Meja Bulat (RTD) 2020

Rajah 1 menunjukkan respons melalui Perbincangan Meja Bulat (RTD) bersama pengamal undang-undang seramai 9 orang terdiri daripada Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan, Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah Melaka dan Selangor, 2 orang Penguat kuasa Agama dari Jabatan Agama Islam Melaka dan Selangor, 2 orang pakar autisme dan 2 orang guru pendidikan khas, pandangan mereka berkenaan keperluan mewujudkan SOP adalah setuju sepenuhnya, setuju dengan syarat dan tidak setuju atas alasan berikut:

1. Setuju sepenuhnya:

“saya setuju sekiranya diadakan SOP...jadi bagi hak individu autisme ini dalam proses tangkapan, SOP ini dah *cover* untuk kes-kes yang lain”

(Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan)

“sekiranya kita ada satu SOP ataupun satu panduan, saya kira ia secara tidak langsung dapat membataskan kuasa budi bicara yang diguna pakai ketika ini”

(Pegawai Penguat kuasa Agama Melaka)

“saya fikir amat penting ada suatu SOP atau panduan kepada pegawai penguat kuasa agama untuk menjalankan tangkapan dan pemeriksaan ataupun penahanan terhadap individu autisme yang melakukan kesalahan jenayah syariah”

(Pegawai Penguatkuasa Agama Melaka)

Pendirian yang setuju sepenuhnya diwujudkan SOP Autisme adalah bagi membataskan kuasa budi bicara PPA semasa proses tangkapan dan tahanan individu autisme. Ia juga boleh diaplikasikan terhadap kes-kes OKU yang lain sebagaimana yang dilakukan oleh SOP Autisme oleh pihak polis. Seterusnya, SOP ini juga difikirkan perlu memandangkan kepada keperluan untuk mempunyai SOP khusus bagi individu autisme dan OKU yang lain.

2. Setuju dengan Syarat:

“kalau orang autis tu kalau dah buat salah, mungkin boleh kaji dulu betul ke dia autisme atau buat kajian jumpa dr. dan dapatkan pengesahan lepas tu baru tengok keadaan ke camana”

(Informan Guru 5, 2021)

“saya bersetuju dengan Dato’ Abas tadi, *basicnya* kita semua ada hak yang sama dalam perlombagaan, ada hak-hak tentang orang biasa, cuma perlu kepada kita kenal pasti dahulu apakah hak khusus bagi autisme ini dan perlu dimasukkan dalam SOP ini dengan tidak mengabaikan hak-hak sedia ada”

(Pegawai Penguat kuasa Agama Melaka)

“Kita pun secara umum kita dah memang bersetuju untuk SOP ini diwujudkan cuma untuk mendrafkan tentang SOP itu di peringkat mana, dia punya tindakan awal yang perlu diambil oleh pihak PPA”

(Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor)

“SOP yang diperlukan bagi kami tak apa kalau *general one use for all*”

(Guru NASOM Setia Alam 2)

“SOP ini tidak boleh fokus pada autisme sahaja, sebab bila kita nampak orang tu kita tak tahu samada dia autisme ke sakit mental saja atau lain-lain, jadi sepatutnya kena merangkumi keseluruhannya masalah mental”

(Pakar Autisme 1)

Sebahagian informan Perbincangan Meja Bulat (RTD) yang lain pula bersetuju dengan meletakkan syarat dalam mewujudkan SOP Autisme untuk penguat kuasa agama. Antara syaratnya, pihak penguat kuasa agama mestilah mendapat pengesahan daripada pakar terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang tindakan. Seterusnya, penelitian lanjut mengenai hak dan keperluan individu autisme perlulah dititikberatkan dalam membangunkan SOP ini agar tiada sebarang diskriminasi atau pengabaian hak berlaku. Dari aspek persediaan awal pembinaan SOP, pihak penguat kuasa agama dinasihatkan untuk lebih cakna dengan mengambil tindakan awal yang sewajarnya dalam pengendalian khusus individu autisme dan SOP tersebut mestilah bersifat umum/*general*, yang tidak memfokuskan kepada autisme sahaja tetapi sesuai untuk masalah mental lain.

3. Tidak setuju:

“untuk SOP tak perlu dipakai pada diorang, sebab cara dia lain, pemahaman dia lain dan bila dia jerit atau marah mungkin kita salah anggap”.

(Guru NASOM Setia Alam 1)

“kalau ditahan atau jumpa orang asing oleh orang yang mereka tak biasa dengan dia mungkin akan mendatangkan ketakutan ataupun dia jadi *stress tipically*”

(Guru NASOM Setia Alam 2)

Sebahagian informan yang lain tidak bersetuju sepenuhnya untuk mengadakan SOP autisme ini kerana pemahaman individu autisme yang berbeza dengan individu tipikal dan sekiranya diimplementasikan SOP tersebut akan memberi tekanan terhadap individu autisme.

Berdasarkan pendirian informan kajian, majoriti pengamal perundangan Islam yang ditemui bual bersetuju untuk mengadakan SOP ini kerana keadaan individu autisme yang berbeza dengan individu tipikal telah membataskan tindakan para pegawai penguat kuasa agama dalam menjalankan tugas. Ini kerana, cabaran utama ialah tingkah laku agresifnya yang boleh mendatangkan kesan emosi dan fizikal

yang mendalam terhadap orang sekeliling mereka, bahkan tingkah laku agresif yang berlebihan boleh mendatangkan ancaman terhadap kesihatan mental dan fizikalnya (Siti Marziah & Nor Shahirah 2018). Signifikan untuk mengadakan SOP ini juga kerana sehingga kini tiada SOP khusus sebagai garis panduan untuk penguat kuasa agama.

Namun, segelintir informan tidak bersetuju kerana mereka percaya bahawa tindakan dan perilaku individu autisme adalah berlainan dengan individu tipikal kerana ciri semula jadinya yang menyebabkan perilaku tersendiri individu autisme tersebut sering disalah anggap oleh masyarakat. Justeru, tindakan untuk membangunkan sebuah SOP khusus untuk tangkapan dan tahanan individu autisme ini dilihat akan memberi tekanan kepada individu autisme sekiranya diimplementasikan akan menjelaskan kesihatan mentalnya kerana takut dikenakan sebarang tindakan sekiranya terlibat dengan pelanggaran undang-undang tanpa disedari.

Ketiadaan garis panduan khusus dalam proses tangkapan dan tahanan ini membuktikan wujudnya keperluan bagi mengadakan SOP khas Autisme untuk Penguat kuasa Agama bagi melindungi hak individu autisme serta memudahkan proses tangkapan tersebut dijalankan. Walau bagaimanapun, tangkapan dan tahanan individu tipikal yang melakukan kesalahan jenayah hendaklah berlandaskan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 5 yang menyentuh mengenai hak kebebasan individu serta beberapa peruntukan dalam Kanun Prosedur Jenayah Malaysia dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri-Negeri (Zuliza 2018). Justeru, bagi memelihara hak asasi individu autisme ini, semasa pengendalian kes, perlulah ada bukti dokumentasi seperti Kad OKU bagi memudahkan pelaksanaan tangkapan dan siasatan seperti yang diperkatakan oleh Pegawai Penguat kuasa Agama Melaka dan Selangor berkenaan hal ini:

“Tentunya dalam mengenal pasti individu adalah penting mereka membuktikan satu bukti dokumentasi iaitu kad OKU”

(Pegawai Penguat kuasa Agama Melaka & Selangor)

Pembuktian ini penting bagi mengelakkan sebarang kontroversi dan stigma masyarakat terhadap Pihak Penguat kuasa Agama seperti petikan berikut:

“...sebab kita tak nak akan menimbulkan tohmahan atau fitnah masyarakat terhadap pihak Penguatkuasa Agama yang melakukan tangkapan bagi kesalahan yang melibatkan individu autisme”

(Pegawai Penguat kuasa Agama Melaka)

“... dan yang keduanya, supaya proses tangkapan oleh PPA berjalan dengan sempurna seterusnya dapat menangani segala masalah-masalah yang wujud semasa proses tangkapan”

(Pegawai Penguat kuasa Agama Selangor)

Dengan adanya bukti dokumentasi, maka pihak penguat kuasa agama berpeluang membuat persediaan dalam menjalankan tugas mereka sama ada dari segi mental atau emosi. Secara tidak langsung, proses pra-perbicaraan tersebut dapat dijalankan dengan baik dan dapat mengelakkan sebarang spekulasi serta tohmahan masyarakat awam terhadap PPA. Justeru, bagi tangkapan dan tahanan individu autisme, keperluan untuk mewujudkan SOP Khusus untuk PPA adalah wajar.

Perilaku Individu Autisme Perlu Pengendalian Khusus

Perilaku seksual remaja autisme adalah berpunca daripada kemerosotan kemahiran komunikasi, sosial dan kesukaran tingkah laku, ini menyebabkan mereka seringkali berkelakuan yang menyimpang daripada norma masyarakat. (Siti Marziah & Nor Shahirah 2018). Sekiranya tidak dibendung, perkara ini akan memberi implikasi terhadap individu autisme untuk terbabit dalam pelanggaran undang-undang jenayah syariah (Zuraini & Zuliza 2015). Justeru, hasil RTD dan FGD bersama pakar-pakar autisme serta para guru pendidikan khas, majoriti bersetuju untuk mengadakan SOP Autisme bagi Pegawai Penguat kuasa Agama ini kerana adanya tindakan pelanggaran undang-undang yang telah dilakukan oleh individu autisme rentetan daripada sifat dan perilaku semula jadinya yang mengakibatkan kurang sensitiviti terhadap keadaan sekeliling (Fariza et al. 2017).

Tindakan tangkapan dan tahanan untuk individu autisme ini dilihat wajar. Walaupun keadaan mereka tidak seperti individu tipikal yang lain namun mereka yang telah diberi pendidikan atau intervensi khusus di sekolah pendidikan khas mahupun pusat autisme dan di kediaman sendiri. Sekiranya melanggar undang-undang yang melibatkan pelanggaran hak individu lain ataupun menggugat ketenteraman awam, wajar dilaporkan ke bahagian penguatkuasaan untuk diambil tindakan, ia bertujuan mendidik mereka agar kesalahan tersebut tidak diulangi semula (Nurul Syuhada 2021). Walau bagaimanapun, perkara ini bertentangan dengan pendirian informan guru NASOM Setia Alam. Ini kerana, keadaan serta pemahaman individu autisme yang berbeza menjadi faktor untuk memberi

keringanan terhadap individu kurang upaya ini (Grace & Azmah 2020; Izuli et al. 2020).

Namun, informan guru yang lain menyokong untuk mengadakan SOP autisme berasaskan etika dan garis panduan yang sesuai sekiranya melibatkan orang awam seperti petikan berikut:

“..Saya rasa wajar untuk melaporkan sebab kalau tak, pelajar autisme tak tahu benda tu salah sebab kita tak boleh nafikan kesalahan tu memang salah, so kalau kita laporkan dia pun tahu benda tu salah..”

(Informan Guru 1, 2021)

“..Yelah kalau tak lapor pun tak bagus juga untuk individu tu sendiri dan seterusnya menjadi ancaman lah pada orang luar sana.”

(Informan Guru 6, 2021)

Informan kajian yang bersetuju berkenaan keperluan mewujudkan SOP autisme ini berpandangan, SOP ini dapat mendedahkan pihak PPA terhadap autisme dan menjamin hak perundangan autisme. Meskipun begitu, sewajarnya individu autisme diberi intervensi awal terlebih dahulu sebagai pendedahan terhadap perilaku yang bertentangan dengan undang-undang (Liew & Manisah 2008). Intervensi terhadap autisme perlu dimulakan awal kerana individu autisme yang berkefungsian tinggi berkecenderungan mengalami kemerosotan tahap IQ jika lewat diberikan intervensi (Zuliza et al. 2020). Hal ini penting bagi mengelakkan impak negatif yang lain sama ada terhadap diri mereka ataupun individu awam lain.

Implikasi ketiadaan pendedahan awal, dikhawatirkan akan memberi kesan emosi terhadap individu autisme tersebut, keluarga serta masyarakat awam. Misalnya dari sudut individu autisme itu sendiri, mereka akan berasa kecewa dengan dirinya, ibu bapa pula akan berasa malu dengan keadaan anaknya manakala masyarakat tidak akan peka dengan isu keperluan mengajar anak autisme ini (Siti Marziah & Nor Shahirah 2018). Keadaan individu autisme yang berbeza dengan individu tipikal dari sudut tahap kematangan akalnya, tidak boleh dijadikan alasan untuk menafikan hak mereka untuk dididik, di mana guru serta ibu bapa bertanggungjawab mengajar dan memberi kefahaman tersebut (Liney Diana 2020).

Justeru, dengan wujudnya perilaku individu autisme yang berkecenderungan melanggar undang-undang, membuktikan keperluan mengadakan SOP khusus tersebut bagi membantu pegawai penguat kuasa menjalankan tangkapan dan tahanan terhadap

individu autisme jika berlaku kes melibatkan mereka. Walau bagaimanapun, cara tangkapan, penahanan dan bentuk-bentuk hukuman juga perlulah difikirkan agar sesuai untuk diaplikasikan terhadap mereka (Zurul Iman & Shahrom 2020; Liney Diana & Nurain 2020; Nur Syuhada 2021) bagi mengelakkan mereka bertindakan agresif semasa tangkapan mahupun penahanan dilaksanakan (Liney Diana & Nurain 2020; Nurul Syuhada & Nurazima 2021).

Pengendalian khusus kepada individu autisme juga perlulah diambil serius misalnya, keadaan individu autisme yang sensitif terhadap cahaya, bunyi dan keadaan rutinnya, menunjukkan keperluan kepada SOP untuk meletakkan mereka di bawah kawalan ibu bapa seperti yang disarankan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Melaka:

“..tetapi sekiranya diberikan satu SOP ataupun satu kaedah dimana PPA boleh berikan budi bicara bagi melepaskan YDS atau individu autisme dalam jaminan, sama ada ibu bapa atau penjaga atau individu yang boleh dipertanggungjawabkan terhadap individu autisme ini dan boleh dilepaskan dengan bon dan jaminan..”

(Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Melaka, 2020)

Kawalan ibu bapa dan pengasingan ini difikirkan wajar kerana, ciri-ciri kederiaan seperti tidak boleh mendengar bunyi bising dan tidak dapat berkomunikasi lisan juga adalah situasi yang mencabar. Individu autisme yang sensitif dengan sensori pendengaran akan bertindak diluar jangkaan apabila mendengar bunyi yang kuat, mereka akan menyorok, menutup telinga dan berguling-guling. Masalah kederiaan ini akan mengehadkan pergerakan penguat kuasa agama dalam mengendalikannya.

Meskipun begitu, ciri-ciri dan hak layanan yang bersesuaian juga perlulah diambil perhatian dalam mewujudkan SOP Autisme untuk PPA ini. Signifikannya, kerana kegagalan untuk mengenali simptom dan tindak balas tingkah laku individu autisme berkemungkinan besar akan mengakibatkan perlakuan yang tidak betul terhadap individu tersebut dan tingkah laku agresif (Hepworth & Diana 2017).

KESIMPULAN

Kerajaan Malaysia semakin mengambil perhatian terhadap hak-hak golongan autisme rentetan pendiagnosan individu autisme yang kian meningkat. Situasi tersebut menjadikan adanya keperluan untuk mewujudkan satu Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk golongan ini. Berdasarkan kes-kes yang berlaku di dalam dan luar negara

jelas menunjukkan bahawa tidak mustahil adanya kebarangkalian mereka untuk terlibat dengan sebarang pelanggaran undang-undang ekoran daripada ciri dan perilaku semula jadi mereka yang defisit dalam komunikasi dan interaksi sosial. Hasil perbincangan mendapati, para pengamal undang-undang, pakar autisme serta guru-guru pendidikan khas bersetuju agar diwujudkan satu SOP khas Autisme untuk Penguin kuasa Agama berikutnya perlaku tersendiri individu autisme sebagaiannya adalah terkandung dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Oleh itu, perlu diwujudkan SOP Khusus untuk kegunaan pihak penguat kuasa agama yang difikirkan sesuai untuk diaplikasikan kepada individu autisme supaya dapat memberi hak yang sewajarnya kepada pihak autisme yang ditahan, menjamin kelancaran proses tangkapan oleh PPA agar dapat dijalankan dengan sempurna serta dapat mengelakkan sebarang tohmahan terhadap penguat kuasa agama semasa menjalankan tugas. Perkara ini secara tidak langsung dapat menjamin hak keadilan undang-undang jenayah syariah individu autisme tersebut.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada Kumpulan Penyelidikan dari Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam serta Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi tajuk penyelidikan “Pembinaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tangkapan dan Pengendalian Tahanan Individu Autisme oleh Penguin kuasa Agama” (Kod Penyelidikan- FRGS/1/2019/SS06/UKM/02/4) serta Kementerian Pendidikan Malaysia, atas biaya geran penyelidikan tersebut.

SUMBANGAN PENGARANG

Zuliza Mohd Kusrin : selaku ketua projek penyelidikan yang mencetus idea menulis tajuk kertas kerja, menyemak susunan dan tajuk-tajuk kecil yang dipersembahkan dalam kertas kerja, menyemak draf akhir dan memastikan artikel diserahkan semula kepada pihak jurnal untuk penerbitan. Wafaa' Yusof : menyemak, menambahbaik kertas kerja terutama bahagian undang-undang. AbRahman Roseliza-Murni: menyemak & menambahbaik perkara berkaitan autisme dari aspek pengenalan kepada autisme, ciri-

ciri dan istilah yang sesuai untuk membincangkan tentang autisme. Zaini Nasohah : menyemak draf artikel yang telah siap untuk memastikan aspek undang-undang telah dipersembahkan dengan baik. Zahidah Dahalan : membantu mencari data dan menulis draf kertas kerja mengikut format jurnal serta membuat pembetulan berdasarkan cadangan penilai.

RUJUKAN

- Afiezy Azaman. 2018. KPWKM pantau kes lelaki autistik ditahan selepas didakwa meraba. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-pantau-kes-lelaki-autistik-ditahan-selepas-didakwa-meraba-185890> (akses pada 10 Oktober 2020).
- Ahmad Azam Mohd Shariff. 2011. Prosedur pendakwaan jenayah syariah: Analisis ke atas pertuduhan di bawah Akta Prosedur Jenayah. *JUUM* 1-18.
- Allely, C. S. 2015. *Autism Spectrum Disorder in the Criminal Justice System: Police Interviewing, the Courtroom and the Prison Environment*. Sweden: University Of Gothenburg.
- American Psychiatric Association. 2013. *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders Fifth Edition (DSM-5)*. Washington DC: American Psychiatric Association (APA).
- American Psychiatric Association. 1994. *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders Fourth Edition (DSM-IV)*. Washington DC: American Psychiatric Association (APA).
- Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof. 2012. Umur pesalah kanak-anak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia. *Jurnal KANUN* 24(1): 1-23.
- Canadian Center of Science and Education (CCSE). P: 95-104.
- Chown, N. 2010. Do you have any difficulties that I may not be aware of? A study of autism awareness and understanding in the UK police service. *International Journal of Police Science & Management* 12(2): 256-273.
- Cole, J. 2017. McGlawn guilty of first-degree assault. https://www.eneadcourier.com/news/local-news/mcg lawn-guilty-of-first-degree-assault/article_225bbd8a-f20f-11e6-bb6e-fff923afa336.html (akses pada 13 Januari 2021).
- Fariza Md. Sham, Salmihah Che Mud, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd.Kusrin, Rosmawati Mohamad Rasit & Siti Norlina Muhammad. 2017. Panduan syariah untuk ibu bapa menangani perilaku seksual remaja autisme. *Jurnal Hadhari Edisi Khas* 169-182.
- Gammiechia, C. & Johnson, C. 2004. Information for law enforcement and other first responders.
- Haskins, B. G. & Silva, J. A. 2006. Asperger's Disorder and Criminal Behavior: Forensic-psychiatric considerations. *Journal of the American Academy of Psychiatry and the Law* 34(3): 374-384.
- Hasliza, N. 2018. Autistik ditangkap: Hannah minta henti kecam mangsa, suspek. *Free Malaysia Today (FMT News)*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/09/19/autistik-ditangkap-%0Ahannah-minta-henti-kecam-mangsa-suspek/> (akses pada 30 Oktober 2020).
- Helverschou, S. B., Rasmussen, K., Steindal, K., Søndanaa, E., Nilsson, B. & Nøttestad, J. A. 2015. Offending profiles of individuals with Autism Spectrum Disorder: A study of all individuals with Autism Spectrum Disorder examined by the Forensic Psychiatric Service in Norway between 2000 and 2010. *Autism: The International Journal of Research and Practice* 19(7): 850-858. DOI:<https://doi.org/10.1177/1362361315584571>
- Idris, S. R. 2019. Pesalah autisme terbabit jenayah boleh digari. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/617977/pesalah-autisme-terbabit-jenayah-boleh-digari> (akses pada 13 Januari 2021).
- Izuli Dzulkifli, Asmawati Suhid, Fathiah Mohd Fakhruddin & Nor Aniza Ahmad. 2020. Cabaran komunikasi dalam pengajaran pendidikan Islam kepada murid kurang upaya pendengaran. *International Journal of Islamic Thought* 18.
- Jones, J. 2007. Persons with intellectual disabilities in the criminal justice system: Review of issues. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 51(6): 723-733.
- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. 2019. *Pendaftaran Orang Kurang Upaya. Jabatan Kebajikan Masyarakat*. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UnN2U3dtUHacVN4aHNpBUIPayt2QT09> (akses pada 13 Januari 2020).
- Lerner, M. D., Haque, O. S., Northrup, E. C., Lawer, L. & Bursztajn, H. J. 2012. Emerging perspectives on adolescents and young adults with high-functioning Autism Spectrum Disorders, violence, and criminal law. *Journal of the American Academy of Psychiatry and the Law* 40(2): 177-190.
- Minshev, N. J. & Williams, D. I. 2007. The new neurobiology of autism: Cortex, connectivity and neuronal organization. *Archives of Neurology* 64(7): 945-950.
- Mokhtar, N. A. 2018. Penahanan pemuda autisme cabul gadis ikut SOP - Polis. *Berita harian Online* <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/09/474483/penahanan-pemuda-autisme-cabul-gadis-ikut-sop-polis> (13 Januari 2021).

- National Conference of State Legislatures (NCSL). 2018. *Autisme Insurance coverage State Laws*. <https://www.ncsl.org/research/health/autism-and-insurance-coverage-state-laws.aspx>
- Nor Azah Abdul Aziz. 2011. Kaedah menangani stress dengan solat. *Jurnal Islam dan Pendidikan Arab* 3: 1-10.
- Polis Diraja Malaysia. 2019. Roadshow autisme: Garis panduan PDRM dilancarkan <https://www.facebook.com/PolisDirajaMalaysia/posts/2585986738078284> (30 Oktober 2020).
- Ray, W. J. 2021. *Abnormal Psychology*. Edisi Ketiga. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, Inc.
- Santangelo, S. L. & Tsatsanis, K. 2005. What is known about autism: Genes, brain, and behavior. *American Journal of Pharmacogenomics* 5(2):71-92.
- Siti Marziah Zakaria & Nor Shahirah Mat Tauhid. 2018. Cabaran anak-anak autisme daripada perspektif ibu bapa. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32(1): 58-71.
- Siti Zubaidah Ismail, Zasyrafain Yusof & Mohamed Afiq Afandi Mohamed Azahari. 2014. Cabaran penguatkuasaan dan pendakwaan kesalahan jenayah syariah dari sudut perundangan. *Jurnal Hukum* 39(2).
- Siti Zubaidah Ismail. 2008. Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan jenayah syariah di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Syariah* 16: 537-554.
- Wafaa' Yusof & Anita Abdul Rahim. 2014. The Age of Criminal Responsibility from the Perspective of Malaysian Shariah Law. *Asian Social Science* 10(10).
- Whitbourne, S. K. 2020. *Abnormal Psychology: Clinical Perspectives on Psychological Disorders*. Edisi Kesembilan. New York: McGraw-Hill Education.
- Yee, L. P & Manisah Mohd. Ali. 2008. Amalan program intervensi awal kanak-kanak autistik mengikut perspektif ibu bapa. *Jurnal Pendidikan* 33: 19-33.
- Zakaria Yahya & Mohd Al Adib Samuri. 2019. Punca kuasa dan bidang kuasa pegawai penguat kuasa agama Islam berkaitan Enakmen Kawalan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam di Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6(1): 79-101.
- Zuliza Kusrin, Al Adib Samuri, Manisah Ali & Fariza Md. Sham. 2020. Intervensi individu dengan autisme berkaitan tingkah laku seksual (*Intervention of individual with autism concerning sexual behaviour*). *MANU* 31(1): 121-137.
- Zuliza Mohd Kusrin, Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan & Mohd Al Adib Samuri. 2021. Standard Operating Procedure (SOP) for arrest and detention of autists by royal Malaysia Police (PDRM). *Pertanika Journal Social Science and Humanities* 29(1): 175-191.
- Zuraini Yaakub & Zuliza Kusrin. 2015. Amalan intervensi terhadap perilaku seksual remaja Autistic Spectrum Disorders (ASD) oleh Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) menurut syarak. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 37(2): 163-172.
- Zuraini Yaakub & Zuliza Mohd Kusrin. 2019. *Remaja Autisme dan Perilaku Seksual*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurul Iman Zakaria & Zaini Nasohah. 2019. Cabaran pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Negeri Melaka. *Malaysia Journal of Syariah and Law* 7(2): 13-26.
- Zurul Iman Zakaria & Zaini Nasohah. 2020. Tafsiran Peruntukan Kesalahan Bersekediaman dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 42(1): 23-230.

TEMU BUAL

Perbincangan Meja Bulat (RTD)

- Azmah binti Daud. 2020. Pegawai Pemulihan Carakerja, National Autistic Society of Malaysia (NASOM), Ara Damansara, Petaling Jaya, Selangor.
- Dr. Nor Azlin Kamal Nor. 2020. Jabatan Pediatrik, HUKM, Kuala Lumpur.
- Liew Bee Wah. 2020. Senior Psychologist, National Autistic Society of Malaysia (NASOM), Ara Damansara, Petaling Jaya, Selangor.
- Prof. Madya Dr. Fairuz Nazri binti Abd Rahman. 2020. Jabatan Pediatrik, HUKM, Kuala Lumpur.
- Tuan Sharom bin Maarof. 2020. Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Selangor.
- Tuan Zurul Iman bin Zakaria. 2020. Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Melaka.
- Y. A Tuan Abdul Razak Mat Nayan. 2020. Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah Melaka (MSNM), Melaka.
- Y. A Tuan Zulfikri Yaso. 2020. Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah Selangor (JAKESS), Shah Alam, Selangor.
- Y. A. A. Dato' Abas bin Nordin. 2020. Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS), Seremban, Negeri Sembilan.

Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD)

- Liney Diana. 2020. National Autism Society of Malaysia (NASOM), Kuantan, Pahang.
- Nazima Zakaria. 2021. Anjung Kasih (Persatuan Kanak-kanak Istimewa Bangi, PKIB), Kajang, Selangor.
- Nuraiza Nazaiah Khalidi. 2021. Anjung Kasih (Persatuan Kanak-kanak Istimewa Bangi (PKIB), Kajang, Selangor.
- Nurul Ain Mohd Ilias. 2020. National Autism Society of Malaysia (NASOM), Kuantan, Pahang.
- Nurul Norshahila Omar. 2020. National Autism Society of Malaysia (NASOM), Kuantan, Pahang.

- Nurul Syuhada Arifin. 2021. Anjung Kasih (Persatuan Kanak-kanak Istimewa Bangi (PKIB), Kajang, Selangor.
- Wan Zawati Wan Zin. 2020. National Autism Society of Malaysia (NASOM), Kuantan, Pahang.

Rujukan Kes

- DPP v HPW* [2011] VSCA 88.*Hopper v The Queen* [2003] WASCA 153.Kes Ahmad Ziqri. 2018. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/09/476127/moga-kes-ahmad-ziqri-tidak-berulang> (akses pada 21 Januari 2021).
- Kes Bapa bawa anak autisme lakukan jenayah. 2020. *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/12/768264/bapa-bawa-anak-autisme-lakukan-jenayah_ (akses pada 21 Januari 2021).

- | | |
|--|--|
| Statut | |
| Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997. | |
| Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615). | |
| Akta Prosedur Jenayah (Akta 593). | |
| Akta Prosedur Jenayah Syariah (Akta 560). | |
| Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007. | |
| A Law Enforcement Guide for Working with Children with Autism, Intellectual and Communication Disabilities. 2016. New Mexico. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997. | |
| Kod Etika Pegawai Penguatkuasa Agama Islam Negeri 2008. Perlembagaan Persekutuan. | |